



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA, 16 FEBRUARI 2021

- 1. SETIAP TAHUN JADI KORBAN PENTERNAK RUGI HARIMAU SERANG SEJAK SEDEKAT LALU**

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



SUMANI (kanan) menunjukkan cebisan bangkai lembu miliknya yang mati diserang harimau di Kampung Lubuk Periuk, Kuala Berang.



PENTERNAK himbang serangan harimau berlaku berterusan sejak 10 tahun lalu.

Setiap tahun jadi korban

Penternak rugi harimau serang sejak sedekad lalu

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Berang

Seorang penternak lembu di Kampung Lubuk Periuk di sini, menanggung kerugian hampir RM40,000 apabila 20 lembunya dibaham harimau belang sejak 10 tahun lalu.

Serangan terbaharu dilaporkan berlaku pada Khamis dan Sabtu lalu menyebabkan dua lembu milik Sumani Mohamad, 59, dibaham binatang buas itu.

Selain menanggung kerugian puluhan ribu ringgit, Sumani meluahkan rasa bimbang diserang haiwan itu ketika menguruskan ternakannya di kandang berkenaan.

Sumani berkata, gangguan pak belang itu sudah membelenggunya sejak 2011 dan setiap tahun lembu yang diternakannya mati dibaham harimau belang.

"Kejadian terbaharu disedari pada Khamis lalu apabila saya yang tiba di kandang ternakan jam 7 pagi terkejut melihat seekor lembu mati dibaham harimau dan kejadian kedua berlaku pada Sabtu.

"Boleh dikatakan setiap tahun, pasti ada ternakan menjadi korban dan kebiasaannya empat hingga enam lembu yang diternak akan mati setiap tahun akibat serangan binatang buas itu.

"Kejadian ini bukan sahaja menyebabkan saya menanggung kerugian, tetapi turut dihantui kebimbangan keselamatan diri sendiri ketika berada di kandang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Dr Abdul Malek Mohd Yusof ketika dihubungi berkata, siasatan lanjut

Empat hingga enam lembu diternak mati setiap tahun diserang binatang buas

berhubung insiden itu akan dilakukan sebelum tindakan lanjut diambil.